


PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

CARTA ALIR PENGENDALIAN ISOLASI BAGI PELAJAR POSITIF COVID-19 DI KOLEJ
KEDIAMAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



**PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

GARIS PANDUAN PENGENDALIAN ISOLASI BAGI PELAJAR POSITIF COVID-19 DI KAMPUS UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

1. Pelajar yang disahkan positif ujian COVID-19 perlu memaklumkan kepada Felo/ Pentadbir Kolej/ Pengetua Kolej. Pelajar juga perlu terus mengemaskini maklumat dalam aplikasi MySejahtera.
2. Pihak kolej PERLU mendapatkan maklumat pelajar untuk tujuan isolasi dan pemakluman kepada pihak PKU.
3. Maklumat pelajar perlu dilaporkan kepada Bahagian Kesihatan Awam, PKU melalui talian **03-97697360** (secara panggilan/ WhatsApp pada waktu pejabat atau secara WhatsApp sahaja jika di luar waktu pejabat).
4. PKU akan menghubungi pelajar dan mendapatkan sejarah kesihatan yang lengkap seperti gejala semasa dan faktor risiko kesihatan sedia ada.
5. Di kolej kediaman, pelajar perlu mengikut *Standard Operation Procedure* (SOP) yang ditetapkan oleh kolej tersebut. Bagi kolej yang dapat menyediakan bilik khas untuk isolasi, pindahkan pelajar positif COVID-19 ke bilik isolasi manakala kolej yang tidak dapat menyediakan bilik khas untuk isolasi, kekalkan pelajar positif COVID-19 di bilik sedia ada dan pindahkan teman sebilik ke bilik lain. Semua tatacara yang perlu pelajar ikuti untuk tujuan isolasi hendaklah ditampal di papan kenyataan dengan jelas.
6. Pelajar perlu melaporkan keadaan kesihatan dalam aplikasi MySejahtera (*Home assessment Tools*) pada setiap hari sepanjang tempoh isolasi.
7. Sepanjang tempoh isolasi, pelajar tidak dibenarkan keluar dari kawasan kolej dan tidak boleh menerima tetamu dari luar.
8. Pelajar yang **memerlukan ubat** perlu menghubungi PKU di talian **03-97697360** (secara panggilan atau aplikasi WhatsApp pada waktu pejabat atau secara WhatsApp sahaja jika di luar waktu pejabat).
9. Jika pelajar mengalami salah satu simptom yang teruk seperti sakit dada, susah bernafas, keletihan yang melampau, sakit kepala, cirit birit > 3 kali dalam masa 24 jam, muntah yang teruk, pelajar perlu segera menghubungi **talian kecemasan** PKU di nombor **03-97697332 / 7334** untuk rawatan dan pemeriksaan lanjut dan jika perlu akan dirujuk ke hospital berdekatan.

Disediakan oleh:
Bahagian Kesihatan Awam,
Pusat Kesihatan Universiti,
Universiti Putra Malaysia

Kemaskini pada: 10 November 2023

MENCEGAH JANGKITAN COVID-19 DI KALANGAN WARGA UPM

(GARIS PANDUAN KKM - JUN 2023)



PEMAKAIAN PELITUP MUKA

- BAGI KES COVID -19 PEMAKAIAN PELITUP MUKA ADALAH WAJIB
- KETIKA BERADA DI FASILITI KESIHATAN
- INDIVIDU BERISIKO TINGGI (WARGA EMAS, WANITA MENGANDUNG DAN INDIVIDU DENGAN IMUNITI RENDAH)
- DIGALAKKAN SEMASA BERADA DI DALAM PENGANGKUTAN AWAM
- INDIVIDU BERGEJALA RESPIRATORI

TEMPOH ISOLASI 5 HARI BERMULA DARI GEJALA PERTAMA

ISOLASI BAGI KES COVID 19



UPM PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI
UNIVERSITY HEALTH CENTRE
مركز كيمسويان اونيورسيتي

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN



PKUUPM



epku.upm



epkuupm



PKU UPM



Bahagian Kesihatan Awam, PKU



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

APA YANG PERLU ANDA LAKUKAN JIKA POSITIF COVID 19 (PELAJAR)

- KES POSITIF COVID - 19 WAJIB MENJALANI ISOLASI SELAMA 5 HARI BERMULA DARI TARIKH BERMULA GEJALA.
- TEMPOH KUARANTIN TIDAK BERUBAH WALAUPUN MASIH BERGEJALA/SUDAH TIDAK BERGEJALA



BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

PERTANTAN • INOVASI • KEHIDUPAN



PKUUPM



epku.upm



epkuupm



PKU UPM



Bahagian Kesihatan Awam, PKU



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

JIKA ANDA ADALAH KONTAK RAPAT KES POSITIF COVID 19

LANGKAH - LANGKAH PENCEGAHAN

SILA LAKUKAN PROSEDUR INI :

STATUS KESIHATAN	KEPERLUAN UJIAN KENDIRI	AMALKAN LANGKAH PENCEGAHAN
TIDAK BERGEJALA	 TIDAK PERLU	 AMAT DIGALAKKAN
BERGEJALA	 PERLU	 AMAT DIGALAKKAN



SENTIASA MEMAKAI
PELITUP MUKA



ELAKKAN MELAWAT
KUMPULAN BERISIKO
TINGGI



ELAKKAN BERADA DI
TEMPAT YANG SESAK



MEMASTIKAN
PENGUDARAAN YANG
BAIK



UPM

PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI
UNIVERSITY HEALTH CENTRE
مركز كصحتن اوانيورسيتي

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE **I**



PKUUPM



epku.upm



epkuupm



PKU UPM



Bahagian Kesihatan Awam, PKU